

## Terms & Conditions

### **“Double Reward with PB Visa Credit Card” Promotion PB Promotion for Credit Cardmembers**

1. The “Double Reward with PB Visa Credit Card” Promotion is valid 1 November 2022 to 28 February 2023 (the “Promotion Period”).
2. This Promotion is open to all new and existing Public Bank Berhad and Public Islamic Bank Berhad Principal Visa Credit Cardmembers (hereinafter referred to as “principal credit cardmember”) during the Promotion Period including employees of the Public Bank Group, Public Bank subsidiaries, Public Bank’s advertising agencies and their immediate families.
3. To participate in this Promotion, a **principal Visa credit cardmember** is required to register his participation via a ONE (1) time Short Message Service (SMS) during the Promotion Period and send to **66300** in the following manner:-
  - Key in “**PBV<space>16-digit Principal Visa Credit Card number**” and send to **66300**  
(For example, PBV 4553123412341234)

**Any SMS registration with a Supplementary Credit Card number shall not be accepted and shall be void.**
4. A principal credit cardmember with multiple credit cards is required to register only one principal credit card number and thereafter, the amounts charged on all other credit cards and the supplementary card(s) shall be automatically tracked for the purpose of tabulation of the Qualifying Retail Transactions.
5. The principal credit cardmember is responsible to ensure that the SMS details are complete, accurate and sent during the Promotion Period. Proof of SMS sent does not constitute a confirmation of receipt by the Bank.
6. A principal credit cardmember who successfully registers for the Promotion will receive a SMS confirmation from the Bank (“the Participant”). The standard normal telecommunication operator charges apply for each SMS registration and shall be fully borne by the Participant.
7. In the event the SMS is incomplete/ invalid, an outgoing SMS will be sent to the principal credit cardmember, at no cost, to inform him to re-register via SMS.
8. The Bank will not be held responsible and reserves the absolute discretion to disqualify any registration from a supplementary cardmember, any duplicate entries, incomplete/ inaccurate SMS, late entries, error messages, unsuccessful registration due to network failure and/ or interruption experienced by a telecommunication operator or for any reason whatsoever as the Bank may in its absolute discretion deem fit.

9. If the date and time of a successful SMS registration or transaction date and time captured in the Bank's system differs or a dispute arises as to when the registration took place, the Bank's system date and time shall prevail.
10. After the successful SMS registration, the Participant is required to use any of his/her credit cards in the following manner to qualify for this Promotion:-

**A) Cash Back Promotion**

The Participant must spend his credit card for a minimum accumulative of RM3,000 in a month for Qualifying Retail Transactions in any one participating month during Promotion Period to qualify for the following Cash Back payment:-

Minimum Accumulative spending in a Month (RM)	Cash Back payment per Participant per month on a <b>first-come, first-served basis</b> (RM)	Total Cash Back Allocation per month on a <b>first-come, first-served basis</b> (RM)	Maximum Cash Back payment per Participant per month on a <b>first-come, first-served basis</b> (RM)
3,000	68	26,000	188
5,000	118	26,000	
8,000	188	38,000	

**B) Top Spender Contest**

The Participant must spend his credit card for a minimum accumulative of RM28,888 in a month for Qualifying Retail Transactions in any one participating month during Promotion Period. The monthly Top Spender with highest spending amount will be the winners to win for the following Prizes:-

Minimum Accumulative spending in a Month (RM)	Prizes	No. of Winners per month	No. of Winners throughout the Promotion Period
28,888	iPhone 14	5	20

11. The Bank will pay a maximum Cash Back payment of RM90,000 each participating month during the Promotion Period. The Cash Back payment per month is as follows:-

Participating Months	Participating Months Dates	Monthly Cash Back Allocation (RM)
Month 1	1 November - 30 November 2022	90,000
Month 2	1 December - 31 December 2022	90,000
Month 3	1 January - 31 January 2023	90,000
Month 4	1 February - 28 February 2023	90,000
Total		360,000

12. The maximum Cash Back payment will not exceed RM188 each participating month per Participant on a **first-come, first-served basis**.

Note:-

- (1) “Qualified Retail Transactions” shall include all local retail spending, online purchases and new Zero Interest Instalment Plan (ZIIP) full purchase amount (not monthly instalment) and **excludes flexipay, balance transfer, auto-debit, recurring payments, payments for utilities, direct marketing, insurance premiums, government related payments, payment via www.pbebank.com and ATM, cash advance/ cash withdrawal, quasi cash, casino transaction, interest payments, late payment fees, finance charges, management fee, annual fees, reversals, payment to charity(ies) and any form of service/ miscellaneous fees.**
- (2) Qualified Retail Transactions made by a Supplementary Cardmember shall be aggregated with the Participant’s and the total eligible Cash Back payment/ Prizes will only be credited/ awarded into the Participant’s credit card account.
13. The Cash Back payment earned by the Participant shall be tracked in the following manner:-

SMS Received in a Month				
	M1	M2	M3	M4
	Qualifying Retail Transaction in each Tracking Month			
M1	✓	✓	✓	✓
M2	-	✓	✓	✓
M3	-	-	✓	✓
M4	-	-	-	✓

*Note: M = Month*

For example,

A Participant successfully registered via SMS on Month 1 of the Promotion Period will have his/ her Qualifying Retail Transactions being tracked for the Month 1, and thereafter till the end of the Promotion Period.

14. The tracking of Qualified Retail Transactions shall be based on transaction dates.
15. Split Qualified Retail Transactions are disallowed and shall be disqualified.
16. The Participant who participate for this Promotion during the Promotion Period will not be eligible for other PB Credit Card/ PIB Credit Card -i Usage Offers. All transactions made by Participant who participate for this Promotion during the Promotion Period will be excluded from other ongoing PB Credit Card/ PIB Credit Card -i Usage Offers.
17. The Cash Back payment/ Prizes will be credited/ awarded only into the Participant's principal credit card account registered under this Promotion within 4 - 8 weeks after the end of each tracking month and shall be reflected in the Participant's credit card statement, itemised under "Double Reward with PB Visa Credit Card – Month 1 to Month 4".
18. In the event that after the Cash Back payment/ Prizes are credited/ awarded into the Participant's credit card account, there is a reversal of entry made on any one of the Qualifying Retail Transactions, the Participant is required to reimburse the Bank the entire Cash Back payment credited into his account/ return the Prizes to the Bank.
19. The Cash Back payment/ Prizes are non-exchangeable for up-front cash or kind.
20. The Cash Back payment will be in addition to the Cash MegaBonus rewards/ Reward Points/ Cash Back/ due to the Participant, if any.

### **General Terms and Conditions**

1. By participating in the Promotion, the Participant shall be deemed to have read, understood and agreed to be bound by the Terms and Conditions stated herein. The decision of the Bank shall be final, binding and conclusive. No correspondence, disputes and appeals will be entertained. The Bank further reserves the exclusive right to change, amend, delete or add on to these Terms and Conditions from time to time with at least twenty one (21) days prior notice at [www.pbekbank.com](http://www.pbekbank.com) website.
2. Any questions or queries on the Promotion, must be referred to PB Card Services & Support at 03-2176 8000.

3. The Bank shall not be liable for any direct or consequential loss and damage or whatsoever suffered by the Participant, whether caused directly or indirectly, in whole or in part, from their participation in the Promotion or as a result of any act or omission on the part of the Bank.
  4. The Terms and Conditions herein are in addition to and without prejudice to the Terms and Conditions stated in the Cardmember Agreement applicable to the Participant's Card Account. In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and the said Agreement, these Terms and Conditions shall prevail in so far as they apply to the "Double Reward with PB Visa Credit Card" Promotion.
  5. In the event of a conflict, discrepancy or variance in the terms and conditions in the English Language version and Bahasa Malaysia version, the terms and conditions of the English Language version shall prevail.
-

## Terma dan Syarat

### **Promosi “Ganjaran Berganda dengan Kad Kredit Visa PB” Promosi untuk Ahli Kad Kredit**

1. Promosi “Ganjaran Berganda dengan Kad Kredit Visa PB” ini sah mulai 1 November 2022 hingga 28 Februari 2023 (“Tempoh Promosi”).
2. Promosi ini terbuka kepada semua Ahli Kad Kredit Utama Visa Public Bank Berhad dan Public Islamic Bank Berhad yang baharu dan sedia ada (selepas ini dirujuk sebagai “ahli kad kredit utama”) semasa Tempoh Promosi termasuk kakitangan Kumpulan Public Bank, subsidiari Public Bank, agensi pengiklanan Public Bank dan keluarga terdekat masing-masing.
3. Untuk mengambil bahagian dalam Promosi ini, **Ahli Kad Kredit Utama Visa** perlu mendaftarkan penyertaannya melalui SATU (1) kali Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) semasa Tempoh Promosi dan hantar ke **66300** seperti yang berikut:-
  - Taip “**PBV<jarak>nombor Kad Kredit Utama Visa 16 digit**” dan hantar ke **66300**  
(Misalnya, PBV 4553123412341234)

#### **Pendaftaran melalui SMS menggunakan nombor Kad Kredit Tambahan tidak akan diterima dan adalah terbatal.**

4. Seorang ahli kad kredit utama yang mempunyai beberapa kad kredit hanya perlu mendaftarkan satu nombor kad kredit utamanya dan selepas itu, amaun yang dicaj bagi semua kad kredit dan kad tambahan yang lain secara automatik akan dikesan bagi tujuan pengiraan Urus niaga Runcit yang Layak.
5. Ahli kad kredit utama bertanggungjawab untuk memastikan bahawa butir-butir SMS adalah lengkap, tepat dan dihantar semasa Tempoh Promosi. Bukti penghantaran SMS bukanlah merupakan pengesahan penerimaan oleh Bank.
6. Ahli kad kredit utama yang berjaya mendaftar untuk Promosi ini akan menerima pengesahan SMS daripada Bank (“Peserta”). Caj pengendali telekomunikasi biasa dikenakan ke atas setiap pendaftaran SMS dan akan dibayar sepenuhnya oleh Peserta.
7. Sekiranya SMS tersebut tidak lengkap/ tidak sah, SMS balas akan dihantar kepada ahli kad kredit utama, secara percuma, untuk memaklumkan kepada beliau untuk mendaftar semula melalui SMS.

8. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan dan mempunyai hak mutlak untuk tidak melayakkan apa-apa pendaftaran daripada ahli kad tambahan, penyertaan serupa yang dihantar dua kali, SMS yang tidak lengkap/ tidak tepat, penyertaan yang lewat, mesej yang silap, pendaftaran yang tidak berjaya disebabkan oleh kegagalan sistem dan/ atau gangguan yang dialami oleh pengendali telekomunikasi atau atas apa juga sebab yang Bank anggap wajar menurut budi bicara mutlaknya.
9. Sekiranya tarikh dan waktu pendaftaran SMS yang berjaya dibuat atau tarikh dan waktu urus niaga yang dirakam dalam sistem Bank berbeza atau timbulnya pertikaian mengenai bila pendaftaran dibuat, tarikh dan waktu dalam sistem Bank akan diterima pakai.
10. Selepas pendaftaran SMS berjaya dibuat, Peserta perlu menggunakan mana-mana kad kreditnya dengan cara yang berikut untuk layak bagi Promosi ini:-

**A) Promosi Pulangan Tunai**

Peserta mesti membelanjakan kad kreditnya untuk amaun terkumpul minimum sebanyak RM3,000 dalam sebulan untuk Urus niaga Runcit yang Layak dalam mana-mana bulan berlangsungnya promosi semasa Tempoh Promosi untuk layak mendapatkan bayaran Pulangan Tunai yang berikut:-

Minimum Perbelanjaan Terkumpul dalam Sebulan (RM)	Bayaran Pulangan Tunai setiap bulan <b>atas dasar siapa cepat dia dapat</b> (RM)	Jumlah Peruntukan Pulangan Tunai Setiap Bulan <b>atas dasar siapa cepat dia dapat</b> (RM)	Bayaran Pulangan Tunai Maksimum setiap Peserta setiap bulan <b>atas dasar siapa cepat dia dapat</b> (RM)
3,000	68	26,000	188
5,000	118	26,000	
8,000	188	38,000	

**B) Peraduan Pembelanja Terbanyak**

Peserta mesti membelanjakan kad kreditnya dengan amaun terkumpul minimum sebanyak RM28,888 dalam sebulan untuk Urus niaga Runcit yang Layak dalam mana-mana bulan berlangsungnya promosi semasa Tempoh Promosi. Pembelanja Terbanyak setiap bulan dengan amaun perbelanjaan terbanyak akan dipilih sebagai pemenang untuk memenangi Hadiah yang berikut:-

Minimum Perbelanjaan Terkumpul Sebulan (RM)	Hadiah	Bilangan Pemenang setiap bulan	Bilangan Pemenang sepanjang Tempoh Promosi
28,888	iPhone 14	5	20

11. Bank akan membayar bayaran Pulangan Tunai maksimum sebanyak RM90,000 setiap bulan berlangsungnya Promosi semasa Tempoh Promosi. Bayaran Pulangan Tunai sebulan adalah seperti yang berikut:-

Bulan Berlangsungnya Promosi	Tarikh Bulan Berlangsungnya Promosi	Peruntukan Pulangan Tunai Setiap Bulan (RM)
Bulan pertama	1 November - 30 November 2022	90,000
Bulan ke-2	1 Disember - 31 Disember 2022	90,000
Bulan ke-3	1 Januari - 31 Januari 2023	90,000
Bulan ke-4	1 Februari - 28 Februari 2023	90,000
Jumlah		360,000

12. Bayaran Pulangan Tunai maksimum tidak akan melebihi RM188 setiap bulan berlangsungnya promosi setiap Peserta **atas dasar siapa cepat dia dapat**.

Nota:-

- (1) “Urus niaga Runcit yang Layak” hendaklah termasuk semua perbelanjaan runcit tempatan, pembelian dalam talian dan amaun pembelian penuh Pelan Ansuran Faedah Sifar (ZIIP) baharu (bukan ansuran bulanan) dan **tidak termasuk, bayaran fleksi, pindahan baki, debit auto, bayaran berulang, bayaran untuk utiliti, pemasaran terus, premium insurans, bayaran berkaitan dengan kerajaan, bayaran melalui www.pbebank.com dan ATM, pendahuluan tunai/ pengeluaran tunai, tunai sebahagian, urus niaga kasino, bayaran faedah, fi bayaran lewat, caj kewangan, fi pengurusan, fi tahunan, kebalikan, bayaran kepada badan kebajikan dan apa-apa bentuk fi perkhidmatan/ rencam**.
- (2) Urus niaga Runcit yang Layak yang dibuat oleh Ahli Kad Tambahan akan digabungkan dengan bayaran Pulangan Tunai Peserta dan jumlah Pulangan Tunai/ Hadiah yang layak akan hanya dikreditkan/ diberikan dalam akaun kad kredit Peserta.
13. Bayaran Pulangan Tunai yang diperoleh oleh Peserta akan dikesan melalui cara yang berikut:-

SMS yang Diterima dalam Sebulan				
	Bulan Pertama	B2	B3	B4
	Urus niaga Runcit yang Layak dalam Setiap Bulan yang Dikesan			
Bulan Pertama	✓	✓	✓	✓
B2	-	✓	✓	✓
B3	-	-	✓	✓
B4	-	-	-	✓

Nota: B = Bulan



Misalnya,

Urus niaga Runcit yang Layak bagi seorang Peserta yang berjaya mendaftar melalui SMS pada bulan pertama dalam Tempoh Promosi akan dikesan untuk Bulan Pertama, dan selepas itu sehingga akhir Tempoh Promosi.

14. Urus niaga Runcit yang Layak akan dikesan berdasarkan tarikh urus niaga.
15. Urus niaga Runcit yang Layak yang berasingan adalah tidak dibenarkan dan tidak layak.
16. Peserta yang mengambil bahagian dalam Promosi ini semasa Tempoh Promosi tidak layak untuk Tawaran Penggunaan Kad Kredit PB/ Kad Kredit-i PIB lain. Semua urus niaga yang dibuat oleh Peserta yang mengambil bahagian dalam Promosi ini semasa Tempoh Promosi akan dikecualikan daripada Tawaran Penggunaan Kad Kredit PB/ Kad Kredit-i PIB lain yang sedang berlangsung.
17. Bayaran Pulangan Tunai/ Hadiah akan hanya dikreditkan/ diberikan ke dalam akaun kad kredit utama Peserta yang berdaftar di bawah Promosi ini dalam tempoh 4-8 minggu selepas akhir setiap bulan yang dikesan dan akan ditunjukkan dalam Penyata kad kredit Peserta, diperincikan di bawah “Double Reward with PB Visa Credit Card – Month 1 to Month 4”.
18. Sekiranya berlaku penarikbalikan entri mana-mana Urus niaga Runcit yang Layak selepas bayaran Pulangan Tunai dikreditkan/ Hadiah diberikan dalam akaun kad kredit Peserta, Peserta perlu membayar balik kepada Bank keseluruhan bayaran Pulangan Tunai yang telah dikreditkan dalam akaunnya/ Pulangan Hadiah kepada Bank.
19. Bayaran Pulangan Tunai/ Hadiah tidak boleh ditukar untuk wang tunai pendahuluan dan barang.
20. Bayaran Pulangan Tunai adalah tambahan kepada ganjaran MegaBonus Tunai/ Mata Ganjaran/ Pulangan Tunai yang perlu dibayar kepada Peserta, jika ada.

### **Terma dan Syarat Am**

1. Dengan mengambil bahagian dalam Promosi ini, Peserta dianggap telah membaca, faham dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam ini. Keputusan Bank adalah muktamad, mengikat dan konklusif. Tiada surat-menyurat, pertikaian dan rayuan akan dilayani. Bank seterusnya mempunyai hak eksklusif untuk menukar, meminda, memotong atau menambah Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu melalui laman web Bank [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com).

2. Apa-apa soalan atau pertanyaan mengenai Promosi ini mestilah dirujuk pada Perkhidmatan Kad PB dan Sokongan melalui 03-2176 8000.
  3. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan, sama ada secara langsung atau berikutan daripadanya, atas apa-apa kerugian dan ganti rugi atau apa juga pun yang dialami oleh Peserta, secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, berikutan penyertaan mereka dalam Promosi ini daripada apa-apa tindakan atau apa yang tertinggal oleh Bank.
  4. Terma dan Syarat dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad yang diterima pakai bagi Akaun Kad Peserta. Sekiranya terdapat apa-apa ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan Perjanjian tersebut, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai setakat mana ia berkaitan dengan Promosi “Ganjaran Berganda dengan Kad Kredit Visa PB”.
  5. Sekiranya terdapat pertikaian, percanggahan atau perubahan dalam terma dan syarat dalam versi bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Malaysia, terma dan syarat versi Bahasa Inggeris akan diterima pakai.
-